

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) mendapat tempat kedua dalam kalangan 20 terbaik institusi pengajian tinggi dunia daripada segi penggunaan paling tinggi pangkalan data maklumat Emerald (*Electronic Management Research Library Database*) bagi 2010.

UUM mendapat tempat kedua daripada lebih 3,000 universiti di dunia yang terpilih untuk menerima anugerah itu selepas mengatasi Monash Univesity, University of Pretoria, Royal Melbourne Institute of Technology, University of Manchester dan University of Greenwich.

Ketua Pustakawan UUM, Salleh Hudin Mustafa berkata, bagaimanapun, tempat pertama masih dirangkul oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) kerana universiti itu mempunyai jumlah pelajar yang ramai berbanding dengan UUM.

Katanya, pada tahun ini, UUM telah berjaya menduduki tempat kedua teratas berbanding tahun sebelumnya di tempat ketiga, sejak pangkalan data maklumat Emerald mula diperkenalkan, pada 1967 oleh MCB University Press yang sekarang ini dikenali sebagai *Emerald Group Publishing Limited* (Emerald) beribu pejabat di United Kingdom.

"Lebih daripada 45,000 organisasi termasuk universiti-universiti terkemuka, sekolah-sekolah perniagaan, jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat terkenal seluruh dunia melanggan pangkalan data maklumat ini," katanya ketika berucap dalam Majlis Penyampaian Anugerah Emerald di Pulau Pinang, di sini, semalam.

Dalam majlis itu, Pengurus Perniagaan Emerald, Amex Tan menyampaikan anugerah itu kepada Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamed Mustapa Ishak bagi Anugerah Tempat Kedua Penggunaan Data Emerald dan dua pensyarah dari UUM *College of Business* (UUM COB), Prof Madya Dr Wan Ahmad Nordin Wan Hussin dan Dr Nurwati Ashikkin Ahmad Zaluki bagi kategori penulisan journal terbaik.

Kedua-dua pensyarah itu memenangi 2011 Outstanding Paper Award dari Emerald Literati Network untuk artikel mereka yang berjudul "*Corporate Governance and Earnings Forecasts Accuracy*" yang diterbitkan dalam jurnal Asian Review of Accounting (Vol. 18, No. 1. 2010).

Salleh Hudin berkata, syarikat Emerald juga telah bekerjasama rapat dan menjalin hubungan dengan beberapa organisasi korporat dan pertubuhan antarabangsa seperti *Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB)*, *The Academy of Management*, *the International Federation of Library Associations (IFLA)* dan *The European Foundation for Management Development (EFMD)*.

Katanya, berdasarkan pengalaman sepanjang lebih 40 tahun, Emerald telah menerbitkan lebih 700